

Gagal senggara peparitan, saluran punca banjir kilat

Rasuah di sebalik pembangunan?



Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN,**
FAUZI SHUHAIMI
dan **AMIRUL AIMAN ANUAR**
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 19 MEI**

SISTEM peparitan dan saluran yang tidak efisien selain perangkap keladak di tapak projek pembinaan tidak diselenggara dikenalisti punca banjir kilat di ibu kota baru-baru ini.

Jika benar dakwaan tersebut apakah langkah proaktif diambil pihak berwajib bagi mengatasi masalah itu secara tuntas.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke beberapa lokasi yang dinaiki air minggu lalu mendapati kerja-kerja naik taraf saluran dan peparitan di kawasan banjir giat dilaksanakan kontraktor Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Namun dalam masa sama pemaju projek-projek mega sekitar lokasi seolah-olah tidak mengambil sebarang iktibar kejadian tersebut.

Sebaliknya kerja-kerja pembangunan di tapak projek rancak dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian Skuad Terjah di lokasi terlibat banjir kilat baru-baru ini hampir

MUKADIMAH GENAP seminggu banjir kilat terburuk di ibu negara berlaku tahun ini. Walaupun bencana tersebut dapat diatasi dalam masa kurang dua jam, persoalan timbul bagaimana kejadian sedemikian boleh terjadi terutama di beberapa lokasi bukan 'lokasi panas' banjir.

Jika benar wujud unsur rasuah melibatkan agensi pelaksana projek pembangunan di ibu negara hingga menyebabkan kejadian itu, siasatan dan tindakan tegas perlu disegerakan. Skuad Terjah kali ini meninjau ke beberapa lokasi terlibat banjir untuk melihat sejauh mana kebenaran dakwaan tersebut.

Ini termasuk kegagalan kontraktor lantikan menyelenggara sistem peparitan dan saluran melaksanakan tugas dengan sempurna dan kegagalan pemaju mematuhi garisan panduan ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

90 peratus terletak berhampiran dengan projek-projek pembangunan sama ada berskala besar atau sederhana.

Keadaan sistem peparitan dan saluran di kawasan tapak projek juga dilihat tidak diselenggara dengan sempurna.

Pemaju projek di sekitar ibu negara juga didapati gagal mematuhi garisan panduan ditetapkan pihak berkuasa tempatan termasuk memasang perangkap keladak di tapak projek.

Disebabkan sistem saluran tersebut tidak diselenggara dengan baik mengakibatkan air melimpah keluar sehingga beberapa lokasi bukan hot spot banjir kilat menjadi mangsa.

Sebagai contoh di hadapan pintu masuk Universiti Malaya

(UM), Jalan Lingkungan Budi dan berhadapan Duta Vista, Jalan Sultan Abdul Halim menghala ke Damansara.

Difahamkan, walaupun projek pembangunan agak jauh daripada kedua-dua kawasan itu, struktur tanah rendah mempercepatkan air mengalir ke kawasan itu.

Walaupun alasan taburan hujan yang tinggi daripada biasa menjadi punca banjir kilat Jumaat lalu, siasatan perlu dilakukan terhadap projek pembangunan di ibu negara.

Ini bagi mengesan kemungkinan wujud unsur rasuah oleh agensi pelaksana sehingga menyebabkan banjir kilat.

Janganlah kerana mahu mengaut keuntungan semata-mata, nyawa dan harta benda orang awam tergedai.



TINDAKAN tegas perlu diambil terhadap pemaju yang gagal mematuhi garis panduan ditetapkan pihak berkuasa tempatan dalam setiap projek yang dibangunkan.